

Saman Bekas Presiden MCA Terhadap Anggota Parlimen Bintulu Didengar 8 Julai 2013
Bernama
17 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Mahkamah Tinggi menetapkan lima hari mulai 8 Julai tahun depan perbicaraan penuh saman fitnah RM500 juta bekas menteri pengangkutan Datuk Seri Ong Tee Keat terhadap anggota Parlimen Bintulu Datuk Seri Tiong King Sing yang juga bekas ketua pegawai eksekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd.

Hakim Datuk Hue Siew Kheng menetapkan tarikh itu selepas bertemu peguam yang mewakili Ong dan Tiong di kamarnya Selasa.

Pada tarikh yang sama mahkamah juga akan mendengar saman Tiong terhadap Ong menuntut RM10 juta yang mana anggota Parlimen Bintulu itu mendakwa beliau menyerahkan wang itu kepada Ong sebagai sumbangan kepada MCA.

Ong yang diwakili peguam Tan Foong Luen memberitahu pemberita hakim juga menetapkan 4 September bagi pengurusan kes untuk kedua-dua kes bagi membolehkan kedua-dua pihak bermediasi untuk menyelesaikan kes itu di luar mahkamah.

Tan berkata anak guamnya (Ong) telah menetapkan dua kategori prasyarat untuk membolehkan proses mediasi itu berjaya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681252>

